

**DEWAN MAJLIS**

Hari Rabu, 18 Syaaban 1445 / 28 Februari 2024

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusoff, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

**Yang Mulia Jurutulis:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua pada hari ini Rabu, 18 Syaaban 1445 bersamaan 28 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah).

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ أَحْمَدُ kita bersyukur ke hadrat

اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada pagi ini untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan izin اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى jua, pada hari Selasa semalam, اللَّهُ أَحْمَدُ Isitiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selamat sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang telah bercemar duli dan mengurniakan titah dalam majlis tersebut.

Majlis ini dengan sepenuhnya ingin menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi nyadan menjunjung tinggi di atas keberangkatan baginda bercemar duli dan mengurniakan titah yang bernilai tinggi harganya itu.

Saya cuba untuk memberikan serba sedikit mengenai beberapa perkara yang terkandung dalam titah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam majlis yang mulia ini pada hari semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien itu sesungguhnya amat bernas dan mengandungi banyak nasihat untuk kita amat-amati dan juga junjung serta dijadikan panduan dan sandaran bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Ia juga jelas mencerminkan pemedulian dan keprihatinan baginda terhadap kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sesungguhnya baginda menaruh harapan yang tinggi agar Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dapat kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara ini.

Oleh itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat diharapkan dapat berganding bahu dan menjadikan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah melahirkan buah fikiran yang membina dalam sama-sama membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara.

Baginda juga melahirkan harapan yang tinggi agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti perkembangan mengenai isu-isu yang menjadi kepentingan kepada rakyat dan negara, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara. Ini setentunya memberikan perspektif berlainan dan membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyumbangkan idea-idea dan *input* dalam membawa perubahan positif dan setentunya memacu kemajuan dalam bidang-bidang tertentu.

Begitu juga dengan pihak-pihak yang berkenaan yang yang seharusnya memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam bidang-bidang tertentu serta meneliti dan mengambil baik cadangan-cadangan yang dikemukakan itu dengan seelok-eloknya dalam usaha untuk menambah baik dasar, program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semua ini sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setentunya memerlukan penglibatan dan per muzakarah yang berterusan secara inklusif bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan, termasuk dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan para penduduk di negara ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneliti sepenuhnya Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara semasa kita membincangkan Usul Yang Telah Diberi Notis dalam Perkara V dari Susunan Kerja Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dahulu. Sekarang, kita berpindah ke perkara seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Perkara IV. Kertas-Kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1 Tahun 2024 oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormat meminta izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2024 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2023 dan 2024 menurut

Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Jurutulis:** Kertas No. 2 Tahun 2024 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

سَمِ اللَّهُ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormatnya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No.2 Tahun 2024 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2023/2024 menurut Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membuat kenyataan untuk

membentangkan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Oleh yang demikian, bagi perkara-perkara yang tersebut maka saya memberikan izin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk membawa dan membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan.

**Yang Mulia Jurutulis:** Perkara V, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Syukur ke hadrat اللهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى yang telah mengurniakan rahmat,taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua untuk sama-sama hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga

ke akhir zaman. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2024 telah disempurnakan kelmarin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan yang demikian, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan satu Usul untuk menjunjung kasih atas kurnia titah dan keberangkatan baginda.

Dalam Usul yang akan saya kemukakan ini, juga menyentuh perkara-perkara penting yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam ucapan rasmi tadi. Saya juga akan menyentuh perkara-perkara yang sama yang sangat penting diulangi lagi. Usul saya adalah seperti berikut:

Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut telah sama-sama kita dengar kelmarin iaitu mengandungi banyak hikmah dan pengajaran untuk kita jadikan sebagai iktibar dan panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ia mencerminkan kebijaksanaan, kewibawaan, keprihatinan dan pemedulian tinggi baginda yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Antara lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah seperti berikut:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh mengenai peranan Majlis Mesyuarat Negara sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli yang dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Baginda menekankan mengenai kepentingan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa peka mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara, bahkan juga di peringkat serantau mahupun

antarabangsa bagi memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baru yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.

Baginda juga menyeru supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing bagi memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, baginda sarankan untuk melaksanakan inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dan menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan, kapasiti sumber tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain.

Menyentuh mengenai ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum bahawa berdasarkan Laporan *ASEAN Plus Three Micro Economic Research Office (AMERO)*, ekonomi Negara Brunei Darussalam diramalkan akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024 yang diterajui oleh Sektor bukan Minyak dan Gas melalui aktiviti perekonomian dalam beberapa subsektor termasuk pertanian,



kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan dalam sektor penapisan minyak dan gas asli.

Baginda mengambil maklum bahawa beberapa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun ia masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Oleh yang demikian, baginda menyarankan supaya negara tidak lagi terlalu bergantung pada sektor minyak dan gas semata-mata disebabkan terdapatnya beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu.

Dalam hubungan tersebut, baginda menyarankan supaya usaha-usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara akan terus dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada industri-industri strategik yang berpotensi untuk berjaya. Pada masa yang sama, memberikan perhatian kepada isu semasa seperti pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim.

Baginda seterusnya menekankan supaya hala tuju pengeluaran minyak dan gas diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya telah menyentuh mengenai perbelanjaan kerajaan yang dilihat semakin meningkat

tahun demi tahun, namun demikian baginda bersyukur kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Dalam hal tersebut, baginda menitahkan agar setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menyentuh mengenai peranan dan kepentingan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dalam menjana pembangunan negara dan dalam mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, dalam mana baginda berharap supaya projek-projek RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang telah ditentukan.

Baginda seterusnya berharap *blueprints* yang berkaitan dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan akan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru kepada semua pihak di negara ini, khususnya warga perkhidmatan awam dan sektor swasta untuk sama-sama menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut. Berusaha dengan gigih, komitmen dan tanggungjawab dan bekerjasama melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang mendukung kepimpinan dan hasrat baginda ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Salah satu faktor penting dalam memastikan kejayaan wawasan tersebut ialah pensejajaran bagi semua agensi kerajaan mahupun swasta dikehendaki untuk memastikan perancangan strategik masing-masing adalah sejajar dan selaras dengan matlamat wawasan berkenaan.

Dalam masa yang sama ia juga meningkatkan kolaborasi antara pelbagai agensi dan pihak yang berkepentingan untuk mengenal pasti dan menangani *common and cross-cutting issues* dan *challenges* yang memberikan kesan kepada pelbagai pihak khususnya masyarakat. Usaha-usaha seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan akauntabiliti dan menggalakkan penggunaan sumber yang optimum di samping mengelakkan duplikasi dan pembaziran.

Kementerian-kementerian juga disarankan untuk sentiasa meneliti semula, mengemas kini dasar-dasar peraturan, prosedur kerja yang sedia ada di samping menggunakan dan memanfaatkan sepenuhnya kepesatan dan kecanggihan teknologi digital sebagai langkah berterusan

ke arah mengurangkan birokrasi, mempercepatkan proses dan meningkatkan ketelusan produktiviti serta kualiti perkhidmatan yang diberikan di samping membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang peraturan dan etika kerja seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini, marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha kita dilaksanakan mendatangkan hasil yang kita hasratkan dan Negara Brunei Darussalam serta seluruh rakyat dan penduduk akan terus maju jaya dan pesat membangun bersatu padu, senantiasa dilimpahi dengan rahmat dan berkat serta dilindungi daripada segala jenis penyakit dan bala bencana oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى . آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ .**

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar satu kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Usul Yang Diberi Notis. Sebelum Usul ini kita buka untuk dibahaskan, maka saya meminta sekiranya ada terdapat seorang Ahli untuk menyokong Usul yang berkenaan ini.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya terhadap Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan dengan 27 Februari 2024 dan seterusnya atas titah kurnia baginda dalam majlis tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ  
Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan satu Usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya

menjunjung kasih dihadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan dengan 27 Februari 2024.

Kenyataan Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Maka saya kira Usul ini sekarang sudah boleh dibukakan untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli yang suka untuk membuat kenyataan. Bersama dengan saya di sini, terdapat 1 senarai sejumlah 22 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta membahaskan Usul ini. Bagi memulakan perbahasan ini, saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang peramba, kaola, saya hormati. Yang Berhormat

Yang Di-Pertua. Kaola lebih dahulu dengan penuh hormatnya merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap pada menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024 yang baru berlalu semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut jelas mencerminkan keprihatinan mendalam dan berterusan baginda berkaitan hal-ehwal kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduk serta pandangan jauh lagi bijaksana baginda pada memastikan kemajuan pembangunan dan kemakmuran negara dalam hala tuju mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, peramba, kaola, saya juga sukacita ingin mengetengahkan 4 perkara utama berdasarkan

pengamatan peramba, kaola, saya terhadap inti pati titah baginda tersebut seperti berikut:-

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahlinya dan seterusnya berhasrat agar majlis ini kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara. Memberikan perspektif berbeza dan idea-idea serta pendekatan baharu ke arah menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang berkeutamaan.

Sesungguhnya titah baginda ini penuh khidmat, penuh nasihat dan tepat sekali melihat akan kedudukan dan peranan penting majlis ini dalam struktur pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana menurut Perlembagaan Negara.

Demikianlah juga, perkara-perkara yang dibawa ke persidangan majlis seharusnya mengetengahkan dan membahaskan kepentingan dan keutamaan negara sebagai terjemahan relevansinya kepada memastikan kemajuan dan keberhasilan usaha-usaha yang diterajui sektor-sektor dalam

kerajaan baginda. Titah baginda juga menganjurkan agar setiap kita dalam majlis ini untuk memanfaatkan kebijaksanaan masing-masing untuk berpandangan lebih jauh dengan melihat kepada amalan-amalan terbaik khasnya dari luar negara dengan dukungan data-data dan maklumat yang betul sebagai sandaran pada aspek *forward looking* dan transformasi yang dihasratkan baginda tersebut.;

2. Dalam titah baginda menyarankan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik untuk sentiasa turun padang untuk bermuzakarah bersama pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi penduduk yang diwakili masing-masing. Baginda percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan baginda.

Perkara yang disentuh dalam titah berkenaan jelas menunjukkan keprihatinan baginda pada memastikan keterangkuman dan keterlibatan setiap pihak berkepentingan di negara ini dalam apa jua perkara yang ditunduki oleh ahli-ahli majlis ini.

Ini adalah mustahak untuk memastikan isu-isu yang diketengahkan adalah *authentic* dan

berasaskan perundingan *underground* khasnya. Untuk mendapatkan fakta-fakta yang betul berkaitan isu yang ditimbulkan oleh masyarakat.

Perdekatan turun padang ini juga akan berupaya membantu pihak-pihak berkaitan dalam kerajaan, meneliti dasar-dasar yang berkaitan serta meningkatkan keyakinan masyarakat. Apatah lagi bila kerap dilaksanakan, sebagaimana seruan titah baginda berkenaan. Atas dasar inilah baginda sentiasa berkenan meluangkan masa bercemar duli berangkat turun padang dan bersua muka bagi melihat secara dekat keadaan semasa rakyat baginda sendiri. Amalan sedemikian perlulah dijadikan sebagai teladan pada kita semua khususnya dalam kalangan khususnya pemimpin-pemimpin akar umbi.;

3. Seterusnya dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyarankan agar pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan sepenuhnya pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *task force* yang diamanahkan. Kurnia titah bernas baginda ini bukan sahaja menitikberatkan keseimbangan dalam perancangan sebarang

keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan, iaitu dengan memastikan keterlibatan pihak-pihak berkepentingan lainnya dalam proses tersebut malah turut mengiktiraf keupayaan ahli-ahli majlis berdasarkan pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Demikian juga peramba/kaola/saya berpandangan bahawa ini juga merupakan intipati kepada aspek perundingan imbal balik yang disentuh sebelum ini.; dan

4. Perkara berkeutamaan yang terakhir dari petikan titah baginda berkenaan menyentuh perbelanjaan kerajaan yang semakin meningkat tahun demi setahun, namun kerajaan masih mampu menyediakan sejumlah belanjawaan bagi keperluan pembangunan. Sehubungan itu, baginda menegaskan kepentingan setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk rakyat negara ini. Baginda turut menekankan kepentingan untuk tidak lagi bergantung pada sektor minyak dan gas bagi ekonomi negara. Namun begitu, hala tuju sektor hulu minyak dan gas mesti sahaja perlu dikekalkan dan terus diaktifkan di samping usaha-usaha memperkembangkan sektor hiliran serta memastikan keterjaminan bekalan elektrik dan bahan-bahan api.

Dalam pada itu adalah wajar bagi usaha-usaha diteruskan dan dipertingkatkan oleh kesemua pihak yang bertanggungjawab secara bersepadu. Titah baginda terus mengingatkan kita semua bahawa dalam mengejar kemajuan dan perkembangan pembangunan negara ini, ianya adalah tidak terlepas dari persekitaran global yang dipengaruhi ketidakpastian ekonomi dunia juga politik, krisis kesihatan termasuklah kepentingan berkaitan perubahan iklim.

Justeru ia juga menuntut setiap sektor di negara ini untuk lebih bijak dalam menyusun atur perancangan masing-masing sebagai menyesuaikan kepada trend berkenaan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesinambungan dan pencapaian keberhasilan yang sepenuhnya.

Titah baginda berkenaan turut menekankan komitmen tinggi kerajaan pada memastikan keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan khasnya untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini. Namun keberkesanan yang dihasratkan tersebut perlulah diimbangi dengan perancangan dan pelaksanaan belanjawan serta berhemah serta menitikberatkan pelaburan yang memberikan pulangan yang bermakna atau *value for investment*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola/peramba/saya sangat menyanjung tinggi kurnia titah-titah baginda berkenaan

jasas mengandungi kata-kata hikmat nasihat dan hal tuju yang dapat dijadikan panduan kepada kitani semua bersidang sepanjang permesyuaratan kali ini.

Kaola/peramba/saya mengajak semua ahli-ahli yang dilantik untuk berbincang dengan mengamalkan sifat keterbukaan dan syura, mengutarakan pandangan serta pendapat dalam isu yang berkepentingan kepada negara. Namun apa yang utama ialah berasaskan data-data dan maklumat yang betul dan *relevant* sebagai menekankan pendekatan *evident base* dan juga *solution base*.

Dengan cara ini juga akan mempermudah lagi pihak-pihak berkaitan dalam kerajaan untuk membuat penyesuaian terhadap sebarang dasar dan peraturan sedia ada yang berhubung kait dengan isu yang ditimbulkan termasuklah sebarang saranan ke arah memperkesakan perancangan dan pelaksanaan bidang-bidang yang menjadi tumpuan sektor-sektor utama di negara ini.

Ini adalah selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dalam usaha-usaha menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuklah dalam kalangan

pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu.

Kaola/peramba/saya sangat yakin dengan pengalaman luas Ahli-Ahli Berhormat yang pernah berkhidmat dengan kerajaan mahupun mencapai kecemerlangan melalui penglibatan di sektor swasta serta dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebelaian, perniagaan dan seumpamanya mempunyai kelebihan dalam memberikan pandangan atau saranan dari pelbagai sudut untuk membantu pihak kerajaan merancang serta melaksanakan inisiatif untuk memajukan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Perkara memberikan pandangan dan saranan ini telah kitani sepakati dan akan menjadi pendekatan berkesan di sisi muzakarah kitani ini khususnya yang terakhir bersama Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akhir sekali kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi sembah ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Peramba/kaola/saya sudahi dengan  
اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ، وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

**Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, اَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan memanjatkan syukur ke hadirat dengan izinNya jua kaola dapat berada di Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Tahun 2024 bagi melaksanakan amanah dan tanggungjawab kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam kesempatan ini jua kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang kesempatan kaola memberikan ucapan di Dewan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Abis kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang peramba/kaola/saya hormati sekalian. Di dalam titah baginda menyarankan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif ke arah membantu kerajaan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu yang lain.

Saranan baginda ini merupakan *minus point* ke arah memperkukuhkan kerjasama semua pihak melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation Approach*. Ini termasuklah kerjasama pelbagai pihak swasta dan badan bukan kerajaan bagi melaksanakan pelbagai program kesedaran ke arah memastikan seluruh rakyat memahami istilah pembangunan mampan dan diterjemahkan dalam aktiviti harian dengan menyasarkan lebih banyak penglibatan dan sumbangan daripada golongan belia dalam membentuk masa depan Negara



Brunei Darussalam dengan memberi penekanan kepada inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Dengan semangat, sokongan dan keupayaan mereka untuk inovasi, golongan belia mempunyai kuasa untuk mengubah cabaran iklim menjadikan batu loncatan ke arah masa depan yang lebih berdaya tahan.

Dalam pada itu, inisiatif perlu dipertingkatkan secara berterusan bagi menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang perniagaan, khususnya sektor perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dianggap penting memandangkan ia memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan ekonomi negara sekaligus melahirkan usahawan muda yang berjaya.

Usahawan muda yang berjaya bukan sahaja mencipta perniagaan baru, malahan meningkatkan peluang pekerjaan dan sebagainya. Kajian usahawan muda dalam bidang perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memberikan satu impak positif dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi mencapai hasrat ini, kajian perlu dijalankan yang bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong kejayaan usahawan muda tempatan dalam perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara kita, Negara Brunei Darussalam.

Dengan ini, program-program yang 'diungkayahkan' hendaklah melalui

landasan yang tepat bagi memastikan para usahawan dilengkapi dengan alatan dan cerapan yang diperlukan untuk mengatasi cabaran landskap perniagaan yang sering berubah dan mendorong mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di pasaran antarabangsa.

Semua pihak seharusnya memahami atau menamai titah baginda sebagai cabaran bagi ke arah menggerakkan agenda kemajuan negara ini termasuklah merangka pelan-pelan strategik yang inklusif dan juga mengambil kira mewujudkan projek-projek transformasi ke arah mencipta iklim dan ekosistem perniagaan baru yang dapat dimanfaatkan oleh semua golongan.

Ini termasuklah menaik taraf infrastruktur dan bangunan perniagaan yang sedia ada kepada lebih relevan mengikut perubahan masa, menggubal dasar dan polisi, bersangkutan dengan peraturan dan syarat yang memberi peluang kepada peniaga baru untuk berniaga.

Perkara ini penting untuk diberi perhatian sewajarnya, kerana masih sahaja lagi didapati bangunan-bangunan perniagaan yang masih kekal tidak mengalami perubahan. Ada juga dibiarkan kosong dan yang paling menyedihkan tidak dikunjungi pelanggan kerana tidak mempunyai tarikan.

Kaedah konsep kepelbagaian ataupun *multi-functional* konsep aktiviti perniagaan yang digunakan oleh negara-negara maju, boleh sahaja digunapakai sebagai pencetus perubahan, yang

kompleks pasar ikan dan sayur juga dijadikan sebagai tempat riadah, pusat membeli belah, berurus niaga dengan pihak-pihak bank dan sebagainya tempat tarikan pelancong.

Akhirnya, kaola mengharapkan agar Titah baginda ini akan sentiasa dijadikan sebagai panduan dan kayu pengukur ke arah mewujudkan kemajuan dan pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan pula, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ  
Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, kerana memberikan ruang kesempatan kaola memberikan ucapan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Ke-20.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba kaola saya hormati sekalian, abis kaola menyokong penuh usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Menyentuh berkenaan dengan intipati Titah baginda agar usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik, dimana negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk berdaya maju. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberi perhatian.

Dalam perkara ini, pihak-pihak berkenaan perlu juga memberi tumpuan kepada kemajuan-kemajuan di luar bandar yang berpotensi menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di kawasan luar bandar adalah berpunca dari kekurangan infrastruktur misalnya jaringan jalan raya, kemudahan telefon dan *internet*. Infrastruktur yang tidak mencukupi bukan sahaja menghalang pembangunan ekonomi di luar bandar, malah menyekat capaian kepada perkhidmatan penting

seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar adalah bergantung kepada sektor tradisi seperti pertanian, perhutanan dan perikanan. Walau bagaimanapun, sektor ini memainkan peranan penting bagi menjana pendapatan rakyat di luar bandar.

Ianya juga terdedah kepada pelbagai cabaran seperti harga barangan yang turun naik, perubahan iklim dan kekurangan kemajuan teknologi. Pada masa yang sama, kekurangan penggunaan teknologi yang canggih dan inovasi, kreatif di kawasan luar bandar turut menghalang potensi pertumbuhan ekonomi yang diharapkan.

Dalam hal ini, sebarang usaha yang sedia ada seharusnya digerakkan dengan lebih laju bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar.

Antara tumpuan utama adalah membangun infrastruktur yang menjadi pemangkin kepada usaha lain termasuk memperkasakan sumber tenaga manusia di kawasan luar bandar dan dari segi pendidikan atau ekonomi.

Langkah ini akan membuka potensi ekonomi Kawasan luar bandar secara lebih seimbang dan inklusif. Justeru itu, adalah penting bagi pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat untuk bekerjasama dalam melaksanakan intervensi atau insentif bersasarkan bertujuan meningkatkan ekonomi dan

kehidupan penduduk luar bandar, memperbanyakkan pembangunan luar bandar dan merapatkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan di luar bandar.

Sehubungan ini, adalah khusus *budget* luar bandar diperuntukkan secara berasingan dengan peruntukan *budget* kemajuan bandar. Kemajuan bandar dan luar bandar sangat tidak seimbang.

Dilihat peruntukan kemajuan bandar sangat tinggi, dibandingkan di luar bandar yang hanya lebih rendah sedikit. Adalah lebih baik peruntukan khas luar bandar dapat dibentuk semula agar kemajuan luar bandar sejajar dengan kemajuan bandar.

Manfaat dan tujuannya peruntukan antaranya, strategik pelaksanaan dan pembaharuan akan memberikan manfaat kepada penduduk luar bandar. Yang kedua, komitmen Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi, serta kementerian yang berkaitan dengan peruntukan ini dapat melaksanakan agenda kesejahteraan rakyat di luar bandar bagi peruntukan pembangunan dapat dicapai.

Dengan peruntukan yang disediakan ini akan sampai kepada masyarakat luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, ke arah luar bandar yang lebih sejahtera.

1. Bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar juga

diperuntukkan bagi program penempatan peruntukan rakyat khasnya termiskin, miskin, kurang mampu dan orang yang berkemampuan yang perlu diperuntukkan untuk program-program strategik lain di bawah skim pembangunan perlu juga difikirkan, terutama bagi mengelakkan perpindahan atau penghijrahan penduduk asal luar bandar ke pusat bandar, atau keluar daripada luar bandar ke bandar.;

2. Peruntukan kesejahteraan rakyat seperti program peningkatan pendapatan, program latihan kemahiran dan kerjaya serta program komuniti dan lain-lain.;
3. Peruntukan untuk kemajuan pekebun kecil yang akan memberikan manfaat kepada pekebun-pekebun kecil di bawah agensi pertanian.; dan
4. Peruntukan menaik taraf Pendidikan digital ke arah pendigitalan terutamanya di luar bandar. Semoga peruntukan yang disediakan ini akan sampai kepada masyarakat luar bandar bagi merapatkan jurang keseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar ke arah peruntukan luar bandar yang lebih sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba/kaola/saya hormati sekalian bagindacukup optimis agar projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN

Ke-12) sepertimana yang telah disentuh di dalam titah Baginda bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 sewajarnya memberikan kesan yang positif terhadap terutama sekali ke arah meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta dapat dinikmati dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

#### **Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ with bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى di atas limpah dan kurnia-Nya, kaola berkesempatan lagi berada di Dewan yang mulia bersama rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dengan suasana tenang dan harmoni.

Dalam kesempatan ini juga kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan kerana memberi ruang kesempatan kaola memberi ucapan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian,

abiskaola menyokong penuh usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selaku rakyat kita seharusnya bersyukur kerana dikurniakan seorang raja yang sentiasa prihatin dengan kesejahteraan rakyat.

Di dalam titah, baginda menegaskan adalah penting setiap agensi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dalam perkara ini, setiap perubahan atau pembaharuan yang dibuat sama ada berkait dengan dasar-dasar atau peraturan dan perkhidmatan hendaklah bersifat mesra rakyat. Mana-mana perkhidmatan yang dahulunya difikirkan

membebankan dari segi masa dan cara hendaklah dipercepatkan serta dipermudahkan melalui kaedah dan penggunaan teknologi yang mesra pengguna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian, memang tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan Kerajaan telahpun meningkat setiap tahun bagi tujuan pembangunan. Daerah Temburong tidak terkecuali menikmati limpahan pembangunan yang disediakan.

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien antara pembangunan mega yang menjadi kebanggaan serta dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat yang sekaligus dapat merancakkan ekonomi sosial dan ekonomi seharian. Namun usaha bagi meramaikan Pekan Bangar adalah satu cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani dengan sewajarnya.

Cadangan bagi menjadikan daerah permata hijau ini sebagai pusat pengajian tinggi dan penyelidikan adalah satu langkah yang perlu difikirkan bagi merancakkan lagi aktiviti sosioekonomi di Daerah Temburong. Dalam masa yang sama, pelancongan pendidikan dilihat sebagai saranan hala tuju yang mampu menjana ekonomi negara, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Dalam kesempatan ini juga, kaola sukacita menyeru kepada diri kaola sendiri dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang

Berhormat agar dapat menerapkan kaedah turun padang sebagai mekanisme bagi mendapatkan *input* yang tepat terutama sekali hal-hal kesejahteraan rakyat sepertimana yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga semua urusan diberikan kemudahan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah.

**Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas limpah dan kurnia-Nya, kaola berkesempatan berada di Dewan yang mulia bersama rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain di dalam suasana penuh keberkatan.

Di kesempatan ini, kaola penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Di-Pertua Dewan kerana memberi ruang kesempatan kaola memberi ucapan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi Mesyuarat Pertama Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba / kaola / saya hormati sekalian.

Abis kaola menyokong penuh Usul Yang Behormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Konsep turun padang adalah satu amalan terbaik bagi memahami situasi rakyat. Kaedah ini juga menjadi amalan para pemimpin yang ternama di serata dunia. Baginda juga mengamalkan konsep turun padang dengan mengadakan lawatan mengejut dan tidak berjadual di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan juga syarikat swasta.

Amalan ini juga perlu dijadikan sebagai asas kepada setiap kakitangan kerajaan untuk mengetahui perkara sebenar berkenaan dengan masalah dan hal ehwal rakyat terutama sekali di dalam membuat dasar ataupun polisi

kerajaan mahupun membuat sebarang perubahan di dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai.

Begitu juga halnya apabila merancang dan melaksanakan projek-projek atau program-program di dalam semua sektor agar ia menjadi praktikal dan mencapai sasaran yang diharapkan. Di dalam kita memperkatakan tentang turun padang kaola terpenggil untuk menyuarakan berkenaan dengan hala tuju Pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan Peniaga Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS).

Memang tidak dinafikan sudah ada program-program yang sebelumnya disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Namun pada saat ianya masih dilihat samar-samar dan tidak sampai ke matlamat yang diharap-harapkan, di sinilah pentingnya turun padang untuk memahami situasi sebenar permasalahan dan hala tuju para pengusaha.

Program-program hendaklah selari dengan niat dan kemampuan para pengusaha berkenaan. Kaola sangat-sangat mengharapkan agar perkara ini dapat diberi perhatian sekurang-kurangnya para pengusaha ini dapat dibimbing hingga mencapai tahap sara diri.

Selain daripada itu, usaha-usaha yang berterusan bagi mengetengahkan para pengusaha-pengusaha tempatan perlu

dipertingkatkan dengan menganjurkan acara-acara peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa.

Ia juga memberi peluang kepada para Peniaga Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk meningkatkan kapasiti dari segi kemahiran, ilmu, pengalaman dan produktiviti. Dengan ini pencapaian ketara dapat dilihat berdasarkan permintaan pasaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian, akhirnya kaola menaruh harapan agar Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 ini memberi hasil yang positif terutama sekali ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara bagi mencapai wawasan 2035.

Sekian

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

**Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang

Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam kesempatan ini, kaola menyebarkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyebarkan sokongan dan usaha padu dan sedaya upaya kaola dalam menunaikan hasrat titah baginda dengan kemampuan dan buah fikiran kaola untuk sama-sama berbincang dan memberikan cadangan bagi isu-isu yang dianggap bermanfaat terutama sekali yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk dan rakyat di negara ini, إن شاء الله.

Titah baginda semalam jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap rakyat dan negara yang amatlah teliti dan berwibawa dan tidak hanya memfokuskan kepada kepentingan nasional, tetapi juga kepada kebajikan dan keperluan rakyat jelata.

Adalah menjadi suatu penghormatan bagi kaola sebagai wakil rakyat dari peringkat akar umbi dalam menandai hasrat dan harapan baginda. Kaola dengan sepenuhnya bersetuju bahawa Dewan Majlis ini adalah medan terbaik untuk memperjuangkan pendapat dan idea-idea yang membina bagi kemajuan negara. Perbincangan yang berintegriti dan terbuka adalah teras kepada sistem perundangan yang kukuh dan adil lagi saksama.

Pemahaman dan kesedaran sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara terhadap perkembangan semasa, sama ada di peringkat kebangsaan, serantau atau antarabangsa setentunya adalah penting.

Hanya melalui pengetahuan yang komprehensif dan pemahaman yang mendalam, kita dapat memperoleh pandangan yang inklusif serta mengemukakan cadangan dan penyelesaian yang relevan dan berkesan terhadap isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan negara.

Kerjasama bersama pihak-pihak berkuasa kerajaan dan sektor-sektor lain adalah kunci kejayaan dalam merealisasikan matlamat pembangunan negara.

Kaola dan rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara sentiasa aktif melibatkan diri dalam sesi muzakarah dan dialog berterusan Bersama pihak-pihak berkenaan dan setentunya ia harus dipupuk untuk memastikan kepentingan



semua pihak diambil kira secara saksama.

Kaola juga ingin menyembahkan sokongan padu terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang mana masa depan ekonomi kita tidak boleh lagi bergantung semata-mata kepada sektor minyak dan gas. Peluasan sektor-sektor yang lain seperti pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan, pelancongan, penapisan minyak dan gas hiliran adalah strategi yang bijak dalam memastikan kestabilan dan kelestarian ekonomi kita.

Dalam pembangunan-pembangunan ini juga, kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap generasi akan datang dengan melindungi dan menjaga sumber-sumber alam kitani.

Ke arah pembangunan jangka panjang yang mantap dan efisien juga, kaola serta rakan-rakan dan akan terus mendukung usaha kerajaan dalam keperluan-keperluan bagi apa jua perancangan dan pelaksanaan yang teliti dan bersepadu serta juga memastikan bahawa pembangunan ekonomi adalah *inclusive* dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan yang kurang berupaya.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan semangat kepada kaola untuk terus berusaha

dengan penuh integriti, keikhlasan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat ke arah negara yang lebih maju dan berdaya saing.

Kita juga sebagai rakyat memainkan peranan dalam menyanjung tinggi segala gagasan baginda demi sama-sama menyemai tanggungjawab agar dapat menjaga keharmonian dan kestabilan negara. Justeru meningkatkan kualiti kehidupan rakyat sejajar dengan Wawasan Negara 2035.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniannya jua kaola dapat berdiri di Dewan Persidangan ini bersama-sama rakan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan berharap kerjasama dan kemuafakatan kukuh antara semua pihak dapat menyumbang kepada menjadikan negara dan rakyat sentiasa sihat sejahtera, aman dan damai dan juga sentiasa di dalam perlindungan Allah S.W.T menjadikan negara sebagai  
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta untuk membincangkan, membahaskan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan senarai ini masih ada banyak lagi yang akan turut membincangkannya Usul ini. Maka saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan persidangan ini dulu bagi membolehkan kita berehat selama 15 minit dan perbincangan dan perbahasan ini akan kita sambung semula nanti. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

**أَهْلِي-أَهْلِي** Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula selepas kita berhenti rehat sebentar. Persidangan masih lagi membahaskan Usul Yang Telah Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Untuk meneruskan perbincangan ini, saya sekarang suka untuk mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim untuk membahaskan Usul yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:**

**وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan Salam Sejahtera.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ,  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Pertama-tama izinkan kaola mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberikan laluan untuk kaola menyatakan sokongan terhadap Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Selasa semalam dan seterusnya jua di atas limpah kurnia titah baginda seperti Usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola penuh yakin bahawa dengan kebijaksanaan serta pengalaman luas Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sidang ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dipermudahkan, berjalan dengan lancar, teratur dan mencapai hasrat yang diharapkan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola bersyukur ke hadrat Allah ﷻ dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis baginda di atas kurnia titah yang begitu jelas menggambarkan hasrat, aspirasi serta harapan tinggi baginda dalam menyejahterakan rakyat dan memakmurkan negara. Titah ini juga menggariskan secara terperinci hala tuju negara ke arah mencapai aspirasi Wawasan Negara 2035 melalui perkembangan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berdaya saing.

Dalam waktu yang sama baginda juga menasihatkan kita untuk turun padang untuk memastikan *inclusiveness* bagi meningkatkan keyakinan rakyat dalam membantu reka dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya Majlis Mesyuarat Negara ini merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina, membincangkan perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara serta para Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka untuk mengikut perkembangan serantau atau antarabangsa, jelas menunjukkan harapan tinggi baginda terhadap sumbangan institusi Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah untuk melahirkan idea-idea baru, membina dan bernas.

Ia bukan saja mengajak kita untuk mengambil kira perspektif dalaman, malahan juga perspektif dan *dimension* berbeza di luar dari *comfort zone* kita. Perkara ini memerlukan kita untuk meneroka strategi-strategi baru yang *feasible* termasuk dengan mengambil kira perkembangan semasa serantau dan antarabangsa yang berlaku di sekeliling kita.

Langkah ini sudah setentunya akan menjadi nilai tambah negara dalam merangka dasar yang bakal digubal oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Kaola sendiri berpendapat titah baginda ini secara telus menggambarkan keprihatinan mendalam dan hasrat murni baginda untuk menjana perkembangan dan kemajuan yang terbaik untuk negara ini supaya ianya kekal sebagai negara *بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ* negara yang aman makmur yang mendapat keredhaan Allah Yang Maha Pengampun setanding dengan negara-negara membangun.

Bagi mencapai hasrat ini, kaola rasa ia akan memerlukan kita semua terutama pihak-pihak yang berkepentingan untuk berpandangan jauh menyejajarkan usaha, menggembelng tenaga, *forward looking* dan berpikiran positif. Inilah intipati dan corak kehidupan yang perlu kita pertahankan, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia yang semakin bergolak dengan isu-isu politik yang semakin meruncing serta suasana ekosistem

ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekarang izinkan kaola menyentuh titah baginda yang berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 terutama kesan positifnya dalam menjana pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola sendiri berpendapat peruntukan *capital expenditure* ini bukan sahaja akan memberikan hala tuju yang jelas mengenai landasan ekosistem ekonomi negara, malahan ia akan juga akan menyuntik semangat dan nafas baru khususnya kepada masyarakat bisnes dan rakyat serta penduduk negara ini secara amnya. Ini kerana peranan dan sifat RKN itu sendiri yang bertindak sebagai pemangkin ataupun *catalyst* dan pemacu dalam membantu mengaktifkan dan merangsang aktiviti ekonomi negara melalui *spin-off* dari *farm priming* pelaburan-pelaburan tersebut.

Peruntukan kemajuan dalam bentuk *capital formation* ini juga akan menggambarkan komitmen kuat kerajaan dan akan memberikan mesej atau *right signal* yang jelas pada para pengusaha tempatan dan pelabur-pelabur asing tentang tumpuan dan dasar negara dalam menjana ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Ini diharapkan akan menambah keyakinan mereka untuk membuat pelaburan di negara ini dan seterusnya

akan dapat menambah peluang-peluang pekerjaan yang baru dan berkualiti kepada negara. Semoga dengan adanya peluang kerja ini nanti, ia akan membantu mengurangkan tahap pengangguran dan mengeluarkan sebahagian golongan penerima bantuan dari kepumpungan kemiskinan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Cuma yang perlu kita perbaiki dan kukuhkan ialah *delivery system* dalam melaksanakan program-program dan projek-projek yang telah dirancang.

Ini adalah selaras dengan titah harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar pelaksanaan projek-projek RKN ini dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan. Setentunya ini akan memerlukan pensejajaran yang mantap, kordinasi yang kukuh dan pembaikan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif, proaktif dan *pro-business* supaya proses permohonan kemajuan akan bertambah cepat, berkesan dan telus.

*اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* kaola perhatikan di peringkat penggubal dasar, kita telah dapat melihat perubahan-perubahan yang positif ke arah memperkesankan prosistem jadikan ekosistem *pro-business*, namun kita ingin melihat perubahan dasar dan perubahan peraturan ini akan disambut dan disokong sepenuhnya di semua peringkat pelaksanaan dalam bentuk *delivery* yang proaktif, cekap dan lebih berkesan supaya yang sukar akan dapat dimudahkan dan yang mudah perludimudahkan lagi.

Ini antara lain akan memerlukan penggunaan teknologi yang terkini, *best practices* yang telah teruji, urus tadbir yang kukuh, *accountability* yang telus, *connectivity* yang mudah akses, kemajuan *institutional development*, *human resources* yang *marketable*, *industry and future ready* serta perubahan minda ataupun *mindset* dalam penyampaian perkhidmatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk mencapai maksud tersebut, kaola berpendapat kita perlu meneliti secara strategik, *building blocks* ataupun prasyarat yang diperlukan untuk membantu peniaga-peniaga tempatan yang ingin berkembang maju dan menarik pelabur-pelabur asing. Prasyarat ini terutamanya yang berkaitan dengan penarikan *FDI* telah pun pernah kaola nyatakan dalam Dewan ini pada tahun lalu secara panjang lebar. Kaola sarankan supaya pihak-pihak yang berkepentingan akan meneliti semula keberkesanan pelaksanaannya jika kita ingin memacu dan mengaktifkan perkembangan aktiviti ekonomi di negara ini. Dalam kesempatan ini, izinkanlah juga kaola menyentuh semula satu prasyarat yang difikirkan penting dan perlu ditangani secepat mungkin.

Isu ini adalah hasil maklum balas daripada masyarakat bisnes di negara ini dan mempunyai impak yang besar terhadap ekosistem bisnes dan aktiviti ekonomi. Ini kerana ianya melibatkan kehidupan, keyakinan serta perancangan masa depan *stakeholder* ini dalam turut menjana dan melibatkan diri dalam

aktiviti negara dan dalam waktu yang sama boleh menjejaskan peluang-peluang pekerjaan tempatan. Isu yang kaola maksudkan ialah berkaitan dengan dasar mendaki pengusaha-pengusaha pelabur luar yang bukan berstatus penduduk tetap, warga asing pemilik syarikat sendiri, para pengurus dan pekerja mahir yang sudah menjangka umur 60 tahun ke atas untuk tidak dibenarkan tinggal di negara ini walaupun mereka telah bermastautin lebih 30 tahun. Kaola rasa dasar dan peraturan ini perlu diteliti semula supaya ia tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing dan menimbulkan kesan negatif kepada aktiviti ekonomi domestik secara keseluruhannya dari segi pengaliran keluar wang dari negara, penutupan premis peniagaan, penjualan hartanah dan pengurangan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dalam waktu yang sama, kaola juga pernah menimbulkan mengenai kemungkinan negara memperkenalkan *long stay pass* ataupun visa berasaskan keperluan spesifik negara. Dasar ini jika dilaksanakan boleh membantu negara untuk meningkatkan keyakinan dan menarik lebih banyak pelabur asing untuk datang, tinggal dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perekonomian di negara ini. *Long Stay Pass* ini kebiasannya diberikan dalam jangka waktu 5 atau 10 tahun berasaskan kepada jumlah pelaburan sumbangan dan keperluan. Dengan adanya jaminan ini setentunya akan menambah aliran masuk kewangan ataupun *currency in-flows* ke negara ini dan boleh

mendatangkan *spin-off* dan *multiply effects* yang positif kepada aktiviti-aktiviti ekonomi tempatan dan juga Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk akhirnya sekali lagi kaola menyuarakan sokongan ke atas Usul menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam upacara perasmian mesyuarat ini. Semoga kita semua dapat petunjuk, taufik dan hidayah dari **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Kita berdoa semoga sumbangan kita di Majlis ini akan meraih keberkatan dan manfaat untuk kesinambungan, bukan saja bagi generasi masa ini malahan generasi penerus yang akan datang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, silakan Yang Berhormat.

**Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:**

Terima kasih Yang Di-Pertua, **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اللَّهُمَّ** kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan limpah rahmat, hidayah serta izin-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Kaola dengan hormatnya sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dalam menyebarkan sokongan sepenuhnya Usul menyebarkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah bersempena dengan Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اللَّهُمَّ** setelah kita mengamati akan isi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam sangat mengandungi hikmah nasihat dan nilai murni yang tinggi iaitu mencerminkan kearifan, kebijaksanaan, kewibawaan, berwawasan dan keprihatinan baginda yang tinggi dalam menjurus ke arah kelangsungan pertumbuhan sosioekonomi negara yang lebih mapan dan berkembang maju semata-mata demi mengukuhkan, meningkatkan lagi kesejahteraan, kebajikan, kemakmuran dan keharmonian rakyat dan penduduk yang bernaung di Negara Brunei Darussalam dan sekaligus untuk mencapai ke arah Wawasan 2035.

Dalam menandai dan menjulang sepenuhnya akan isi titah baginda tersebut, marilah kita bersama-sama berganding bahu mengikut bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti yang diamanahkan dengan mengambil sepenuh perhatian dan jadikan sebagai panduan di kalangan kita, khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua warga perkhidmatan awam, sektor awam serta sekalian rakyat dan penduduk di negara ini amnya, dalam usaha memastikan apa jua hasrat baginda yang dimaksudkan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diterjemahkan mengikut yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita ingin menyentuh beberapa perkara dari isi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Secara peribadi kaola sangat menjunjung tinggi dan

menghargai kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara khusus baginda menitahkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkenaan yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Seterusnya baginda bertitah dan percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* ke semua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* setakat ini kementerian telah pun memberikan kerjasama mengadakan permuzakarah dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan secara terbuka dan menyusun lawatan-lawatan kerja di tempat-tempat yang tertentu, termasuk di kawasan-kawasan ladang dan perusahaan. Kaedah seperti ini juga memberikan peluang kepada kami sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk bukan sahaja meluahkan pandangan, pendapat malahan berbincang isu-isu penting serta mengongsikan masalah-masalah atau rungutan-rungutan orang ramai yang berkaitan dengan perkhidmatan dan bidang tugas kementerian-kementerian berkenaan.

Di samping itu, kementerian-kementerian berkenaan juga berpeluang untuk memberikan penjelasan serta

memberi perhatian terhadap pandangan dan buah fikiran yang disuarakan dalam menjunjung dan juga menanai titah dan hasrat murni baginda itu. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** permuzakarahannya sedemikian yang mendatangkan kesan positif, manfaat dan kebaikan kepada negara, rakyat dan penduduk negara ini akan dapat diteruskan malahan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan adanya kerjasama yang padu dari agensi-agensi kerajaan dan akan dilaratkan kepada *stakeholders* berkepentingan yang lain.

Ke arah ini apa yang sangat diharapkan, pihak kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan segera dan sewajarnya, terutama sekali yang menyentuh kemaslahatan dan mendatangkan kesan positif kepada negara dan masyarakat dalam kita bersama-sama meningkatkan keyakinan, kredibiliti dan juga menambah baik dasar kerajaan.

Manakala berhubung dengan titah baginda yang perlu kita bersama-sama ambil perhatian yang serius, yang berulang kali dititahkan mengenai kepentingan yang berhubung kait dengan hal ehwal perekonomian iaitu beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Baginda seterusnya menekankan usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik di mana negara

mempunyai potensi dan kekuatan itulah yang berjaya.

Berkaitan dengan ini juga, baginda menaruh harapan yang tinggi supaya *blueprint* yang berkaitan dengan perekonomian yang akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih ramai pelaburan langsung asing berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Sehubungan dengan ini, kepentingan perekonomian sebagaimana yang kita maklumi **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang telah berjaya mengeluarkan *Blueprint Economy for Brunei Darussalam* yang telah menerokai dan mengenal pasti bagi negara ini menuju ke arah mempelbagaikan serta memperkasakan perkembangan ekonomi yang lebih mantap dan *sustainable* dengan tidak semata-mata bergantung pada sektor minyak dan gas.

Ke arah ini, tujuh keutamaan strategik telah menjadi sasaran untuk diutamakan dan dipertingkatkan di mana berpotensi tinggi dalam menyumbangkan pelbagai pertumbuhan aktiviti-aktiviti dan *spin-off effect* perekonomian dan ekosistem perniagaan termasuk yang menjana dan mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sama ada berbentuk profesional, teknikal dan berkemahiran. Ini termasuklah salah satu diantara keutamaan strategik yang dikenal pasti untuk mahukan lima sektor utama iaitu hiliran minyak dan gas, permakanan,



pelancongan, teknologi dan infokomunikasi dan perkhidmatan sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan yang menerajui kepelbagaian ekonomi.

Kaola berpandangan dasar dan kaedah yang lebih berkesan dan efektif perlulah dipertingkatkan dan diperluaskan serta diserapkan dalam semua agensi kerajaan terutama sekali dalam usaha untuk kita bersama-sama menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing yang berskala besar kerana ianya mendatangkan impak yang signifikan dalam menyumbangkan pertumbuhan ekonomi yang dinamik lagi *sustainable*. Ini sudah setentunya memerlukan pensejajaran dan penyelarasan di semua *stakeholders* yang berkepentingan khususnya agensi-agensi kerajaan, bukan sahaja berperanan sebagai *regulator* tetapi yang lebih mustahak bertindak sebagai pemudah cara ataupun *facilitator* yang berkesan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dan juga sebagai *insentive* untuk menyebarkan lagi aktiviti perniagaan dan perusahaan yang lebih besar di Negara Brunei Darussalam.

Di sinilah betapa pentingnya peranan semua kementerian dan agensi yang berkepentingan untuk berganding bahu bekerjasama dengan lebih padu mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing dalam bersama-sama kita merealisasikan kejayaan dasar dan polisi kerajaan seperti yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, dari segi pembangunan negara yang berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara. Baginda menekankan betapa pentingnya RKN-12 yang akan bermula pada tahun 2024/2025 dan seterusnya menaruh harapan projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan. Dalam masa yang sama RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan 2035.

Menerusi projek-projek RKN ini kaola penuh percaya dan berkeyakinan, peruntukan yang disediakan lebih menjurus dan mengutamakan yang mampu menjana pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi yang lebih mantap sekaligus menyumbang meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Ke arah ini sudah setentunya memerlukan perancangan, pemantauan, komitmen, penyelarasan dan pengurusan yang penuh bertanggungjawab, berintegriti, efisien dan sistem tadbir urus yang cemerlang dalam memastikan sesuatu projek dilaksanakan dengan penuh kesempurnaan bukan sahaja mengikut spesifikasi atau standard yang ditetapkan malahan juga dalam jangka masa yang telah ditentukan.

Dalam masa yang sama jika ada satu masalah atau perkara yang berbangkit yang boleh menggugat tempoh jangka

penyiapan projek itu hendaklah diadakan permuzakarahannya secara *transparent* dengan segera dengan *stake holder* yang berkepentingan untuk diselesaikan. Dengan secara sedemikian segala projek kerajaan dalam RKN tidak akan terbengkalai dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mungkin akan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang disasarkan.

Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, bagi mengakhiri, marilah kita bersama-sama berdoa kehadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan mohon berkat syafaat Junjungan Besar kita *نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat Diraja sentiasa dikurniakan petunjuk hidayah dan rahmat serta dalam keadaan sehat walafiat lagi dilanjutkan usia dengan penuh kesejahteraan serta dalam perlindungan *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan seterusnya negara kita Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini akan sentiasa diberi keamanan, kemakmuran lagi dirahmati *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.  
*آمِينَ. آمِينَ. يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.*

Sekian,  
*وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*  
 dan terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
 Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman.

**Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman:** *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.* Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Alhamdulillah dengan memanjatkan syukur ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di atas izinnya jua kaola dapat berada di dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi melaksanakan Amanah dan tanggungjawab kaola sebagai Ahli Mesyuarat Negara.

Dalam kesempatan ini juga kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Di-Petua kerana memberi ruang dan kesempatan kaola memberi ucapan di Dewan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Abis kaola menyokong penuh usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa Bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan titah baginda yang antara lain mengharapkan agar Ahli-Ahli

Yang Berhormat sentiasa peka dan mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat serantau mahupun di antarabangsa.

Sememangnya perkara ini cukup relevan bagi memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baharu ke arah menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan. Antara perkembangan yang cukup pantas adalah perniagaan melalui sosial media yang mampu menjana pendapatan yang cukup lumayan serta mampu menembusi pasaran luaran negara dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama fenomena ini juga mendapat respon yang memberangsangkan dalam kalangan rakyat khusus generasi muda untuk menceburi sektor perniagaan atas talian. Namun pada itu cabaran terhadap persaingan di dalam perniagaan adalah satu perkembangan yang biasa dan perlu diambil positif oleh para peniaga yang lain untuk meningkatkan keupayaan disebabkan perubahan iklim perniagaan mengikut zaman. Ini adalah penting bagi mengalakkan aktiviti perniagaan secara sihat.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan mahupun pihak-pihak yang berkepentingan hendaklah memastikan suasana perniagaan ini mengikut landasan yang sempurna dengan mengambil kira kebaikannya di dalam memberi peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Amalan-amalan baik yang diguna pakai oleh negara-negara maju boleh sahaja menjadi panduan bagi memastikan iklim perniagaan terus berkembang. Penyediaan ekosistem perniagaan digital yang kondusif adalah perlu bagi mengimbangi keperluan pengguna seperti mana yang digariskan di dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati, titah baginda juga menyentuh berkenaan dengan laporan *Asean Plus 3 Micro Economy Research Office (AMRO)* yang meramalkan ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024. Semoga perkembangan prospek ini dapat merangsang pertumbuhan ekonomi bukan minyak dan gas ke arah mewujudkan kepelbagaian sumber ekonomi negara yang mampan, ان شاء الله .

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola bersyukur ke hadrat الله سبحانه وتعالى dan dengan keizinan dan rahmatNya jua serta menjunjung kasih Kehadapan

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung pada 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024 dan seterusnya mengurniakan titah di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong sepenuhnya Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bijaksana. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini adalah kaola junjung dengan setinggi-tingginya. Titah nasihat baginda bagi kaola untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina bagi membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara akan kaola jadikan sebagai garis panduan dalam mengajukan dan meneliti perkara-

perkara dan isu-isu yang akan kaola bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Titah saranan baginda bagi kaola untuk sentiasa turun padang, bermuzakarah dengan pelbagai pihak, menunjukkan keprihatinan baginda mengenai perihal pentingnya perundangan yang menyeluruh dan inklusif yang baginda percaya akan meningkatkan keyakinan masyarakat dan dapat membantu kalau sudah menyeluruh dalam mereka dasar kerajaan.

Dalam hal ini, ان شاء الله abis kaola akan sentiasa bersedia melibatkan diri dengan pihak kerajaan dan dengan sedaya upaya kaola dengan izin Allah, bersama rakan-rakan pengusaha-pengusaha yang lain dalam apa juga usaha-usaha membantu negara bagi mempertingkatkan perekonomian negara, menjana peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan, membangun kapasiti sumber tenaga manusia terutama sekali para belia dan memperkasa dan memudah cara keterlibatan belia dalam bidang perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola akan sentiasa memfokuskan kepada membangkitkan strategi dan hala tuju kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam usaha-usaha dan inisiatif mempelbagaikan ekonomi negara, menaikkan hasil kutipan dan strategi untuk mengurangkan perbelanjaan demi untuk mendamitkan jurang defisit yang sudah bertahun menjadi cabaran utama kepada kewangan negara kitani.

Di samping isu-isu semasa seperti pelaksanaan dasar perubahan iklim negara dan perubahan dasar atau proses atau peraturan yang melibatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat, kaola juga akan memfokuskan kepada dasar strategi dan inisiatif yang ketara dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mampan, melalui sektor bukan minyak dan gas dan lima subsektor yang baginda gariskan dalam titah baginda.

Kaola juga berharap dengan perdebatan yang sihat dan harmoni nanti antara kalangan jemaah-jemaah Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat membuahkkan satu hasil yang diharapkan dengan tindakan-tindakan yang akan dibuat dengan cepat dan tepat dengan dasar yang bersesuaian agar kita tidak ketinggalan dan mempercepatkan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Sekaran Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

#### **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadarat الله سبحانه وتعالى kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berkumpul di Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara. Kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberi laluan kepada kaola untuk ikut serta dalam perbincangan membincangkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara pagi kelmarin, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas keberangkatan

baginda dan seterusnya mengurniakan titah.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan keprihatinan baginda akan kesejahteraan rakyat dan dinamik pergolakan ekonomi pada masa ini yang Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari terkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menjunjung tinggi titah baginda agar Majlis Mesyuarat Negara dijadikan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran untuk membincangkan perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Titah baginda memberi keyakinan kepada abiskaola Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa setiap pendapat dan buah fikiran yang dibawa ke Dewan ini, pada sesi-sesi Muzakarah dan di setiap perjumpaan akan diambil berat oleh pihak-pihak berkenaan dan diberi pertimbangan yang sewajarnya sebagai pendapat yang mungkin berbeza tetapi tidak bertentangan dengan hasrat kerajaan.

Lebih-lebih lagi pendapat-pendapat itu hasil dari maklumat orang ramai, dari akar umbi, dari golongan yang terkesan atau dari pemerhatian umum. Dengan kita mengamalkan sikap keterbukaan, sedia memberi dan menerima pendapat dan buah fikiran, *ان شاء الله* banyak permasalahan dan cabaran yang

dihadapi oleh orang ramai dapat difikirkan bersama untuk diatasi.

Kaola menjunjung tinggi saranan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *task force* yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kaola mengamati titah baginda, kaola merasa ada pesanan yang berupa segera untuk diambil tindakan ataupun dicari pendekatan yang baharu dan pemikiran di luar kotak (*thinking outside the box*). Usaha mempelbagaikan ekonomi, mengawal defisit fiskal kerajaan, mengenal pasti serta memberi tumpuan kepada industri-industri strategik, memastikan *economic blueprints* mampu mendorong pertumbuhan dan menarik pelaburan asing dan menjana pekerjaan antara cabaran yang dihadapi yang perlu ditangani segera dan secara berkesan.

Kaola rasa seluruh jentera kerajaan, badan-badan serta entiti-entiti kerajaan dan bukan kerajaan perlu bekerjasama meningkatkan usaha-usaha agar apa yang jadi sasaran akan menjadi kenyataan dan bukan sasaran yang sukar untuk dicapai dan semakin jauh untuk dicapai. Mungkin di sinilah maksud baginda, *inclusiveness* akan meningkatkan keyakinan rakyat serta membantu reka dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya

Kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola berharap Rancangan Kemajuan Negara Ke 12 (RKN-12) akan memberi suntikan yang diperlukan bagi mengembangkan pertumbuhan ekonomi.

Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) ini juga bila sudah bermula nanti merupakan *lifeline* kepada syarikat-syarikat anak tempatan yang sudah *established* tetapi kini menghadapi masalah *survival* disebabkan kekurangan projek.

Sektor swasta yang diharapkan kukuh dan berperanan bersama membawa pertumbuhan kepada negara kini mengalami masa depan yang tidak menentu (*uncertain futures*). Kesan daripada ini juga adalah antara sebab pertumbuhan ekonomi negara ini lembab, kita sudah sepatutnya dapat mewujudkan syarikat-syarikat tempatan yang kukuh setanding dengan syarikat luar di negara ini atau syarikat-syarikat yang berada di luar negeri.

Adalah diharapkan dalam mesyuarat-mesyuarat negara yang bersidang ini melalui pendekatan *Whole of Nation* dan *Whole of Government*, kita dapat bertindak segera dan bersama merealisasikan

Wawasan 2035 demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sekian sahaja yang ingin kaola sampaikan, marilah kita berdoa ke hadrat الله سبحانه وتعالى. Semoga kita semua diberi petunjuk serta hidayah dalam kita

membicarakan isu-isu yang menentukan masa depan negara kita, Negara Brunei Darussalam, آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini. Saya ingin menangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat pada pagi ini dan kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai dari pukul 2.30 petang dan kita akan menyambung lagi membincangkan mengenai Usul Yang Diberi Notis ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**